

KENYATAAN TAWARAN TENDER



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG JALAN PINANG RAJA 32040 SERI MANJUNG PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221002** dan **221006** yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, kewangan yang kukuh dan stabil serta peralatan dan kenderaan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

RUJUKAN TENDER	NAMA PROJEK	TARAF	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR DOKUMEN	HARGA DOKUMEN SENASKA H (RM)
MPM JKPPB T 2/2018	Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Pantai, Pemotongan Rumput, Pembersihan Kawasan Dan Pembersihan Sistem Perparitan Zon 1 – Teluk Batik Untuk Majlis Perbandaran Manjung.	Bumiputera	221002 dan 221006	17 Oktober 2018 Hingga 31 Oktober 2018	07 November 2018 jam 12.00 tengahari	150.00

2. Dokumen Tender boleh disemak dan dibeli dengan bayaran wang tunai di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** selepas taklimat dan lawatan tapak pada **17 Oktober 2018** sehingga **31 Oktober 2018** mengikut waktu berikut:

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER ONE SERVE, MPM	
ISNIN-KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 4.15 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.00 tengahari	2.45 petang – 4.15 petang

Dokumen Tender tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh di atas.

3. Berikut adalah aturcara/jadual yang perlu dipatuhi.

TARIKH	MASA	SESI	Tempat
17 Oktober 2018	8.30 pagi – 10.00 pagi	Pendaftaran bagi taklimat dan semakan dokumen	Tingkat 1, Dewan Anjung Perdana, Majlis Perbandaran Manjung, 32040 Seri Manjung, PERAK.
	10.00 pagi – 12.00 tengahari	Taklimat	
	2.00 petang	Lawatan Tapak	Berkumpul di Perkarangan Lobi A, Majlis Perbandaran Manjung, 32040 Seri Manjung, PERAK.

4. Kehadiran taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan bagi kontraktor yang ingin memasuki tender ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak tersebut sahaja.

5. Semasa pendaftaran Taklimat Tender dan pembelian Dokumen Tender, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut bersama **CAP SYARIKAT**:
 - a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih berkuatkuasa;
 - b. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa; dan
 - c. Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik.
6. Sebelum pembelian Dokumen Tender dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar dengan MPM dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung**. Kontraktor yang tidak mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung, tidak dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Tender untuk mengelakkan kelewatan pembelian dan penghantaran Dokumen Tender.
7. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 7 November 2018**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
8. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
9. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung,
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
PERAK DARUL RIDZUAN.**